

Hakmilik

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
(Perpustakaan Kuala Lumpur-Ibu Pejabat)

# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.5 Mei 2006/Rabiulakhir-Jamadilawal 1427H

ISSN 1675-1876 Askot Percuma

D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R

## **DATUK BANDAR TURUN PADANG**

**W**alaupun Y. Bhg. Datuk Haji Ruslin Haji Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur sibuk dengan tugas sehari-hari, beliau masih sempat meluangkan masa dan meninjau sendiri keadaan mangsa kebakaran di penempatan sementara di Dewan MIC, Jalan Air Panas, Setapak pada 18 April 2006 baru-baru ini.



Y.Bhg. Datuk Bandar mendengar masalah yang dikemukakan oleh mangsa kebakaran - Gambar Berita Bandaraya

Sebanyak 15 keluarga daripada 13 buah rumah yang terbakar di dalam kawasan telah ditempatkan di situ di mana majoriti penduduk yang terlibat adalah berbangsa India. Rata-rata daripada mereka ini telah lama tinggal di kawasan tersebut. Mereka yang telah menjangkau lebih 30 tahun. Selepas tinjauan dibuat, DBKL telah bersetuju untuk memindahkan mangsa kebakaran tersebut ke rumah-rumah DBKL secepat mungkin. Datuk Bandar telah



Mangsa-mangsa kebakaran yang berada di penempatan sementara Dewan MIC ketika Y.Bhg. Datuk Bandar menjenguk keadaan mereka - Gambar Berita Bandaraya

memaklumkan persetujuan DBKL bagi mengecualikan mereka yang terlibat daripada membayar sewa rumah bagi tiga bulan pertama. Serba sedikit ini dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh semua mangsa kebakaran terbabit.

Krew Berita Bandaraya sempat berbual dengan salah seorang mangsa kebakaran, Puan Parimala yang melahirkan rasa gembira di atas persetujuan DBKL untuk memindahkan semua mangsa kebakaran ke rumah sewa DBKL. Beliau yang sedang memandikan anak beliau ketika kejadian berlaku merasa amat bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa yang berlaku dan keselamatan serta keselesaan mereka akan lebih terjamin di penempatan baru kelak di rumah-rumah DBKL.

# DARI MEJA DATUK BANDAR



Sempena tahun melawat Malaysia yang bakal diadakan pada tahun 2007, pelbagai usaha telah direncanakan dan diperhebatkan untuk memastikan Kuala Lumpur bersedia menerima kehadiran pelancong-pelancong tersebut dengan penyediaan kemudahan yang terbaik bagi menjamin keselesaan mereka.

Pelbagai kemudahan awam sedang rancak dipertingkatkan umpamanya membaik pulih serta menambah bilangan tandas awam di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan para pelancong. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan awam juga diperbaiki seperti perkhidmatan bas, teksi, Sistem Transit Aliran Ringan dan juga perkhidmatan maklumat trafik jalan raya di sekitar Lembah Klang yang disediakan oleh ITIS.

Banyak ikhtiar yang telah dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam usaha untuk menonjolkan imej yang positif kepada para pelancong mengenai Kuala Lumpur. Walau bagaimana pun, usaha tersebut akan menjadi sia-sia sekiranya warga kota sendiri tidak mengamalkan sikap yang mulia seperti berbudi bahasa dan bersopan santun. Selama ini rakyat Malaysia dikenali sebagai sebuah komuniti yang hidup hormat-menghormati sesama sendiri. Namun begitu sikap segelintir masyarakat yang tidak mempedulikan orang lain boleh membuatkan imej baik masyarakat secara keseluruhan rosak, bak kata pepatah, kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada warga kota agar mengamalkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan harian. Dengan mengamalkannya secara tidak langsung akan memberikan persepsi yang positif kepada para pelancong terhadap rakyat Malaysia, seterusnya kepada negara Malaysia sendiri.

Saya juga ingin menyentuh mengenai aspek

kesihatan warga kota. Mengikut World Health Organisation (WHO) pada tahun 2000 purata jangka hayat hidup rakyat Malaysia adalah sebanyak 72.24 tahun iaitu 69.56 tahun bagi lelaki dan 75.11 bagi perempuan. Walaupun begitu, apalah manfaat hidup yang panjang jika kita tidak sihat. Senaman secara sederhana harus dilakukan demi untuk menjaga tubuh badan kita. Minda yang cerdas tanpa daripada tubuh badan yang sihat. Senaman juga boleh menguatkan otot, meningkatkan aliran darah dan membantu mengelakkam obesiti.

Bagi yang berkemampuan, mereka memilih untuk bersenam di gim-gim sekitar Kuala Lumpur kerana alat-alat senaman yang disediakan adalah yang terkini serta dapat membantu dalam melakukan senaman. Namun begitu, bagi yang kurang berkemampuan untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh gim-gim tersebut tidak seharusnya menggunakan sebagai alasan untuk tidak bersenam. DBKL telah banyak membina kemudahan-kemudahan sukan di sekitar Kuala Lumpur dalam usaha untuk menggalakkan warga kota bersenam. Dewan serbaguna yang disediakan bagi kegunaan warga kota menawarkan pelbagai jenis kemudahan contohnya menyediakan gelanggang badminton, tenis, sepak takraw, bola tampar, bola jaring, squasy, ping pong dan gimnasium. Selain itu, stadium bola sepak dan kompleks kolam renang juga turut dibina. Taman tasik sekitar Kuala Lumpur juga telah dibaik pulih dalam usaha DBKL untuk menyediakan kawasan yang sesuai dan selamat bagi warga kota melakukan aktiviti senaman.

Selain senaman, saya juga ingin menggalakkan warga kota mengamalkan pengambilan makanan yang sihat. Ini tidak bermaksud bahawa kita tidak boleh mengambil sumber makanan yang berlemak. Kita masih boleh mengambil sumber makanan berlemak tetapi pengambilan tersebut haruslah dengan kadar yang bersesuaian. Dengan itu, di sini saya ingin menyeru sekali lagi agar warga kota mengamalkan cara hidup yang sihat. Ingatlah bahawa kesihatan kita sangat bernilai.

## Pandangan


Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL boleh dikongsikan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Perbadanan Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 5803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

## Sidang Redaksi

**Penasihat:** Y. Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan  
**Ketua Editor:** Tuan Hj Salleh Bin Yusup  
**Editor:** Anwar Bin Mohd Zain  
**Sub-Editor:** Nur Diana Bt Md Ghazali  
**Jurufoto:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

# AHLI PENGURUSAN TERTINGGI BERIADAH BERSAMA KAKITANGAN DBKL

**STRIKE!!** Begitulah jeritan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semasa bermain bowling di Upacara Perasmian Karnival Sukan Bowling dan Badminton antara Kesatuan dan Pertubuhan DBKL pada 9 Mei 2006. Acara yang diadakan sempena Hari Pekerja 2006 ini adalah bagi merebut Piala Pusingan Datuk Bandar anjuran Kesatuan Sekerja (ANULEA) di mana sebanyak 13 persatuan dalam DBKL telah mengambil bahagian.




Y.Bhg. Datuk Haji Ruslin Haji Hasan meluangkan masa berbual dengan kakitangan DBKL - Gambar Berita Bandaraya

Walaupun Y. Bhg. Datuk Haji Ruslin Haji Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur sentiasa mempunyai jadual kerja yang padat, beliau masih lagi sudi meluangkan masa beriadah bersama kakitangan DBKL dalam acara yang diadakan. Turut hadir bersama beliau ialah Y. Bhg. Datin Azizah Abd Jalil yang juga merupakan Pengurusi PUSPANITA cawangan DBKL. Acara yang julung-julung kalinya diadakan ini bertujuan mengeratkan hubungan sesama pegawai dan kakitangan DBKL. Ini adalah kerana dengan jumlahnya yang besar, pergaulan di antara pegawai dan kakitangan DBKL agak terbatas malah ada di antara mereka yang tidak begitu mengenali satu sama lain. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mewujudkan ~~persetujuan~~ persatuan di antara pihak kakitangan dan pihak pengurusan DBKL.

Karnival yang telah diadakan itu menyaksikan kemenangan pasukan PUSPANITA yang telah menunjukkan taringnya apabila ia berhasil membolot tempat pertama di kedua-dua kategori yang dipertandingkan itu dalam acara bowling dan badminton. Pasukan Badan Kebajikan Direktorat juga tidak kurang hebatnya apabila muncul sebagai naib johan dalam acara badminton dan merebut tempat ketiga dalam

acara bowling.

Majlis Penutupan Karnival Sukan Bowling & Badminton antara Kesatuan dan Pertubuhan DBKL 2006 tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Saleh Yusup, Ketua Pengarah DBKL pada 21 Mei 2006. Acara penutupan itu telah berlangsung di Kompleks Sukan DBKL, Brickfields di mana hadiah telah disampaikan kepada para pemenang. Secara keseluruhan karnival tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pegawai dan kakitangan DBKL.



Y.Bhg Datin Azizah Abd Jalil memilih bola bowling yang sesuai sambil dibantu oleh Y. Bhg Datuk Haji Ruslin Haji Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur - Gambar Berita Bandaraya

## Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa (Aduan Awam)

- 03-2617 9925

Tol Bebas Telekaunseling - 1800 882 600

Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)

- 03-4022 0033 / 4024 4424

Skuad Penyelamat (24 jam) - 03-4023 1033 / 4023 1133

Unit Kecemasan / - 03-9284 3636 / 3434 / 3

Unit Penyelenggaraan Pokok (24 jam)

## Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800